

19/06/1999

Zahid lupakan kisah politik silam

BEKAS Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, menjelaskan beliau sudah meninggalkan kisah perjuangannya bersama Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sehubungan itu, beliau mengajak semua lapisan pemimpin dan ahli Umno bersatu menjana keutuhan parti untuk memenangi pilihan raya dan menghadapi cabaran pada alaf akan datang.

"Ia adalah bab lama yang sudah saya tutup dalam kamus politik saya. Sekarang saya membuka bab baru dengan harapan permasalahan yang ada diselesaikan segera dan kita menjana kekuatan baru dalam parti.

"Pemimpin dan ahli Umno harus bersatu untuk menentukan masa depan kita," katanya mengulas ucapan dasar Presiden Umno pada Perhimpunan Agung Umno di sini, hari ini.

Zahid yang juga Ketua Umno bahagian Bagan Datoh berkata, beliau akan membuktikan kesetiaannya kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan parti.

"Kalau tidak setia, tentu saya meninggalkan parti tetapi saya tidak berbuat demikian atau menyertai pertubuhan bukan kerajaan yang ditaja pembangkang," katanya.

Mengenai ucapan Dr Mahathir yang menyentuh tindakannya menimbulkan isu kronisme, nepotisme dan rasuah pada Perhimpunan Agung Umno tahun lalu, Ahmad Zahid menyifatkannya sebagai teguran seorang bapa kepada anaknya.

"Sebagai seorang anak yang taat setia kepada bapanya, saya terima dengan hati dan minda terbuka," katanya.

Mengulas keseluruhan ucapan dasar presiden, Zahid meminta ahli Umno menghayati dengan sebaik-baiknya, terutama mengenai budaya kebencian.

"Bagi kita, yang penting ialah kemenangan pada pilihan raya akan datang kerana kemenangan Barisan Nasional (BN) akan menentukan ketuanan Melayu," katanya.

(END)